

31/07/2001

`Umno tidak akan khianat kepada rakan komponen'

KOTA KINABALU, Isnin - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata parti itu tidak akan mengkhianati rakan seperjuangan dalam Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri Sarawak yang akan diadakan tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, Umno juga tidak memberikan sokongan kepada mana-mana calon bebas pada pilihan raya itu dan jika bersimpati dengan mana-mana kumpulan sekalipun, ia bukan alasan untuk `menikam dari belakang' rakan komponen lain.

"Umno tidak akan tikam belakang rakan dalam BN. Walaupun kita ada simpati kepada mana-mana kumpulan, kita sentiasa menjunjung semangat setiakawan. Umno sentiasa komited dengan BN," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan tahunan ketujuh Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) di Hotel Magellan Sutera, di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, semalam bahawa ada individu tertentu di negeri itu mendakwa akan membawa Umno ke Sarawak, jika mereka menang pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN), yang dijangka diadakan sebelum 18 November depan.

Abdul Taib dilaporkan berkata, beliau percaya semua dakwaan yang mengatakan Umno menyokong tindakan segelintir pihak dalam pilihan raya umum DUN Sarawak adalah pembohongan politik.

Beliau yang juga Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) berkata, tidak ada sebab rakyat negeri itu risau kemungkinan Umno berbuat demikian kerana PBB boleh dianggap sebagai `Umno' di Sarawak.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, Umno lebih mengutamakan kejayaan BN secara keseluruhan dan ini boleh dilihat pada pilihan raya kecil DUN Likas di Sabah, pada 21 Julai lalu.

Katanya, walaupun bukan calon Umno yang bertanding, parti itu bersungguh-sungguh sehingga membolehkan calon BN, Datuk Yong Teck Lee, mengekalkan kerusi berkenaan dengan majoriti lebih besar.

Mengenai kemerosotan jumlah pengundi yang keluar mengundi pada pilihan raya Likas, beliau berkata ada beberapa sebab mengapa keadaan itu berlaku.

"Pilihan raya kecil biasanya macam itulah kerana pengundi tahu ia tidak akan menukar kerajaan. Mungkin pengundi lebih berminat dengan pilihan raya umum, jadi mereka tidak berminat keluar mengundi. Tambahan pula, mereka tahu BN akan menang, jadi rasa lebih selesa.

"Kecualilah ada motif kuat di kalangan pembangkang untuk menewaskan BN sebagaimana ditunjukkan pada pilihan raya kecil Lunas, jadi mereka akan dapatkan seramai mungkin pengundi untuk keluar mengundi," katanya.

(END)